

PR: Polisi gaji minimum BN membawa 'hampir tiada perubahan'
Malaysian Insider
04 Oktober, 2012
Oleh Ida Lim

KUALA LUMPUR, 4 Okt — Pakatan Rakyat (PR) mendakwa polisi gaji minimum yang diperkenalkan oleh Barisan Nasional (BN) membawa 'hampir tiada perubahan'.

"Kadar gaji minimum RM900 yang diumumkan bagi rakyat di Semenanjung dan RM800 untuk Sabah dan Sarawak sebenarnya termasuk elaun, ini bermakna gaji pokok adalah masih antara RM700 dan RM800," kata PR dalam satu kenyataan yang ditandatangani oleh ahli parlimen PKR, Chua Tian Chang, Liew Chin Tong dari DAP dan Dr Dzulkefly Ahmad dari PAS.

"Ini bermakna perubahan yang dikatakan wujud sebenarnya hampir tiada perubahan langsung," kata mereka.

PR juga meminta Ketua Pemuda, BN Khairy Jamaluddin (gambar) untuk bersama gagasan pembangkang dalam menuntut kerajaan untuk "melupuskan status rahsia" laporan sulit Bank Dunia bertajuk "Optimal Design for a Minimum Wage Policy in Malaysia" yang bertarikh 28 Julai, 2011.

PR juga berkata pendapat yang mengatakan "tambahan RM200 bagi gaji minimum akan memfalsukan syarikat-syarikat adalah tidak benar."

Dalam laporan semalam, Khairy telah menyerang cadangan PR untuk menetapkan gaji minimum pada kadar RM1, 100.

Namun dalam sidang akhbar hari ini, Chua berkata: "Masalahnya bukan gaji minimum setiap individu, masalah sebenarnya adalah kekurangan perkhidmatan sokongan."

"Walaupun kita bertegas RM1, 100 mampu dibayar bagi majoriti perusahaan. Malangnya, perusahaan kecil tidak dilindungi dan kerajaan tidak memberikan sokongan yang cukup bagi mereka walaupun RM700," katanya.

PR berkata perkara ini menunjukkan bahawa dasar gaji minimum "tidak perlu dilaksanakan secara berasingan dan secara berperingkat".

Ia menambah bahawa mereka telah mencadangkan untuk mengurangkan pergantungan kepada buruh asing dan buruh tempatan, serta meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pr-polisi-gaji-minimum-bn-membawa-hampir-tiada-perubahan/>